

33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN
TARIKH : 12.03.2018
SOALAN : NO. 16

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) prestasi kewangan PTPTN selama 10 tahun yang lepas daripada segi keuntungan dan kerugian; dan
- (b) bilangan peminjam baru dan bilangan peminjam yang telah melangsaikan hutang dalam tempoh 10 tahun yang lalu dan jumlah aset dan liabiliti PTPTN bagi tempoh yang sama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) berperanan menambah baik kualiti pendidikan iaitu meningkatkan *outcome* pelajar dan kecemerlangan institusi terutamanya melalui bidang fokus dan strategi untuk mencapai tadbir urus institusi pendidikan tinggi (IPT) yang cemerlang dan kemampanan kewangan. PTPTN merupakan tunggak utama dalam memastikan para pelajar memperoleh bantuan kewangan bagi menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Dari segi prestasi kewangan sepanjang tahun 2007 sehingga 2016, jumlah hasil terkumpul yang diperolehi PTPTN daripada kos pentadbiran

pinjaman pendidikan adalah sebanyak RM2.84 bilion, manakala perbelanjaan terkumpul pula adalah RM2.47 bilion. Keseluruhan sumber dana pembiayaan pinjaman pelajar diperoleh melalui hasil kutipan balik pinjaman, penerbitan sukuk serta pinjaman daripada institusi kewangan tempatan. Sementara itu, hasil kos pentadbiran diperoleh digunakan bagi menampung kos operasi PTPTN termasuk pembayaran emolumen kakitangan, perkhidmatan dan pemantapan sistem pengurusan pinjaman. Terdapat lebih keuntungan terkumpul sebanyak RM370 juta yang turut digunakan untuk menampung pembiayaan pendidikan pelajar dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam tempoh yang sama, PTPTN telah berjaya menaja 1,747,311 peminjam baharu manakala 264,999 peminjam telah berjaya melangsaikan hutang pinjaman pendidikan PTPTN. Selain itu, jumlah aset PTPTN telah meningkat sebanyak RM34.67 bilion bagi tempoh 2007 hingga 2016 manakala jumlah liabiliti PTPTN turut meningkat sebanyak RM32.98 bilion dalam tempoh yang sama.